



9 Julai 2021
9 July 2021
P.U. (A) 300

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 3) 2021

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (NO. 3) RULES 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 3) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) (No. 3) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2021.

Pindaan kaedah 41

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] dipinda dalam kaedah 41 dengan memasukkan selepas subkaedah (10T) subkaedah yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang mengambil polisi insurans atau sijil takaful.	(10U) Jika notis pengeluaran dibuat di bawah perenggan 54(6)(j) Akta atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang mengambil suatu polisi insurans atau sijil takaful bagi dirinya sendiri, atau dirinya sendiri dan mana-mana orang yang diluluskan, ahli Kumpulan Wang itu hendaklah memberikan suatu notis pengeluaran kepada Lembaga mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Lembaga.
---	--

(10V) Notis pengeluaran yang dibuat di bawah subkaedah (10U) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan polisi insurans atau sijil takaful sebagai keterangan bagi menyokong notis pengeluaran itu.

(10W) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dibuat di bawah subkaedah (10U), Lembaga boleh—

- (a) membenarkan pengeluaran daripada Akaun II ahli Kumpulan Wang; dan
- (b) membayar sebahagian atau keseluruhan jumlah yang diperlukan bagi pengambilan polisi insurans atau sijil takaful tertakluk kepada amaun yang ada pada kredit Akaun II ahli Kumpulan Wang.

(10X) Jumlah yang disebut dalam perenggan (10W)(b) hendaklah dibayar secara tahunan kepada syarikat insurans atau takaful.

(10Y) Lembaga boleh, pada bila-bila masa sebelum habis tempoh polisi insurans atau sijil takaful, berhenti membuat pembayaran bagi jumlah yang disebut dalam perenggan (10W)(b) jika ahli Kumpulan Wang itu—

- (a) membatalkan notis pengeluaran; atau
- (b) membatalkan polisi insurans atau sijil takaful yang diambil daripada syarikat insurans atau takaful.

(10Z) Jika ahli Kumpulan Wang itu membatalkan polisi insurans atau sijil takaful yang diambil daripada syarikat insurans atau takaful, syarikat insurans atau takaful itu hendaklah, dalam tempoh yang ditentukan oleh Lembaga, membayar balik jumlah yang tidak diperuntukkan bagi maksud